

**NO. SOALAN: 409**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**RUJUKAN : 7305**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab kegagalan menangani masalah rempit yang berleluasa di kalangan anak muda Melayu khususnya di Terengganu.**

## JAWAPAN:

Tanggapan “Mat Rempit” yang sering digambarkan oleh masyarakat adalah menjurus kepada golongan yang melakukan aktiviti perlumbaan di jalan awam yang terancang serta mempertaruhkan imbuhan kepada peserta yang memenangi sesuatu perlumbaan. Hakikatnya, hasil soal siasat terhadap mereka yang ditangkap (lebih 80% remaja antara 17-25 tahun) menunjukkan aktiviti berkenaan bukan merupakan suatu aktiviti yang terancang dan bersindiket, tetapi ianya berlumba sesama sendiri bagi mencari keseronokan atau mendapatkan “status yang lebih dihormati” di kalangan rakan sebaya. Ini kerana lumba haram merupakan salah satu gejala negatif yang dipilih oleh remaja dalam mempamerkan sikap *devian* mereka seperti mana juga masalah lepak, *gangsterisme*, parti liar, ketagihan dadah dan alkohol dan pelbagai penyakit sosial yang lain. Punca yang mendorong kepada aktiviti “Mat Rempit” ini tidak dapat lari dari faktor pengaruh rakan sebaya, kurang didikan agama, keruntuhan institusi keluarga serta kurang kawalan ibu bapa mengenai aktiviti harian anak remaja mereka.

Dalam konteks PDRM, sebagai agensi penguatkuasa, pendekatan yang diambil lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan, namun demikian terdapat juga halangan ketika pelaksanaannya, untuk membuktikan aktiviti itu sebagai “lumba haram” amat sukar kerana ianya memerlukan bukti yang jelas

bahawa terdapatnya tawaran atau imbuhan yang diberikan dalam perlumbaan tersebut.

Antara sebab-sebab kesukaran untuk menangani masalah “Mat Rempit” adalah seperti berikut:-

- i. Lumba haram yang dimaksudkan bukan sesuatu yang dirancang tapi ianya berlaku secara “*in situ*” atas faktor cabaran dari kawan, menunjuk aksi kepada awam dan sebagainya. Sukar bagi pihak Polis untuk mendapatkan risikan tentang bila lumba haram tersebut akan diadakan, tempat diadakan dan siapa yang menyertainya.
- ii. Lokasi yang diadakan lumba haram ini di tempat yang tidak menentu, ianya bergantung kepada lokasi yang menjadi tumpuan ramai yang mana penonton awam yang memberi sorakan dan perhatian kepada aksi yang ditunjukan oleh mereka. Lazimnya ia diadakan dalam tempoh waktu yang singkat atau secara sambil lalu sahaja.
- iii. Terdapat juga aksi yang dilakukan di tempat yang baru dibina atau disiapkan seperti lebuhraya, bulatan dan sebagainya untuk menunjukkan kepakaran kepada rakan-rakan sebaya tentang keupayaannya menunggang di kawasan yang belum pernah digunakan. Status “yang lebih

***dihormati***” di kalangan mereka akan lebih tinggi jika dapat menguasai tempat atau lokasi tersebut.

- iv. Keadaan lebih bahaya dan lebih mencabar aksi yang ditunjukkan oleh penunggang dianggap meningkatkan lagi status di kalangan mereka. Anggapan mereka keupayaan untuk melepaskan diri dari ditangkap Polis merupakan satu kejayaan. Kumpulan mat rempit ini akan berbuat apa cara walaupun merbahayakan diri dan pengguna jalan raya yang lain untuk melepaskan diri.
- v. Pihak Polis semasa menjalankan operasi terpaksa menggunakan pertimbangan yang sewajarnya untuk mengelak bahaya kepada orang awam yang menggunakan jalanraya tersebut pada masa yang sama. Tindakan yang hendak diambil perlu dirancang secara teliti supaya orang awam tidak teraniaya dalam tindakan yang diambil.

**Walaupun langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Polis ianya tidak dapat membentras keseluruhannya gejala ini dari terus berlaku, peranan intitusi kekeluargaan begitu penting dalam menentukan perkembangan anak-anak remaja dibimbing dan sentiasa mengawasi pergerakan anak-anak mereka dari terjebak dalam gejala yang tidak sihat ini, anak-anak sentiasa memerlukan perhatian dan kasih sayang dari ibu bapa mereka untuk menjadi modal insan yang berguna untuk negara.**